M <sub>2</sub>	$(\tau_i : \nu_l) \times (\beta_j : \gamma_k)$
M <sub>3</sub>	$(\tau_i : \nu_l : \lambda_m) \times (\beta_j : \gamma_k)$
M <sub>4</sub>	$(\tau_i : \nu_l : \lambda_m : \omega_q) \times (\beta_j : \gamma_k)$

Pelbagai model rawak tersarang bersilang (RTB) multifaset tak seimbang boleh dibentuk dari struktur utama model di atas. Pembentukan model RTB multifaset berlainan dilakukan melalui penggabungan faktor secara setara (*laterally*

*merging*), yakni pelajar-pelajar dari kelas berlainan digabungkan, sekolah-sekolah yang mempunyai ciri-ciri sama digabungkan.

Idea penggabungan adalah berpunca dari kekerapan berlakunya masalah pengurangan kelas kerana bilangan pelajar tidak mencukupi had yang ditetapkan oleh pihak Jabatan Pelajaran Negeri, isu perpindahan pelajar, penggredan sekolah dan pembahagian jenis sekolah berlainan. Penggabungan dilakukan berlandaskan kesamaan yang wujud antara faktor-faktor yang terlibat. Contohnya, kesamaan daripada segi aliran kelas, corak pengurusan, kedudukan dan infrastruktur sekolah. Dengan ini kelas-kelas aliran sains di sekolah yang sama boleh digabungkan dalam sesetengah situasi, sekolah-sekolah yang mempunyai ciri-ciri pentadbiran yang sama digabungkan dalam kumpulan sama, jenis sekolah yang sama pula dikumpulkan. Model-model RTB multifaset tak seimbang terhasil dari penggabungan dan penstrukturan semula faktor berdasarkan kesamaan ciri adalah seperti berikut:

<u>Model RTB Multifaset</u>	<u>Reka bentuk</u>
M <sub>5</sub>	$(\tau_i : \lambda_m) \times (\beta_j : \gamma_k)$
M <sub>6</sub>	$(\tau_i : \omega_q) \times (\beta_j : \gamma_k)$
M <sub>7</sub>	$(\tau_i : \nu_l : \omega_q) \times (\beta_j : \gamma_k)$
M <sub>8</sub>	$(\tau_i : \lambda_m : \omega_q) \times (\beta_j : \gamma_k)$

Merujuk kepada Teori Kebolehtlakan (*Generalizibility Theory*, teori-G) yang mana merupakan teori pengukuran yang membolehkan kejituan pengitlakan pengukuran ke atas populasi dikesan dan variasi setiap faktor pengukuran diketahui melalui prosedur penguraian dan penganalisan komponen varians faktor dari sampel tercerap menggunakan model pengukuran. Dalam konteks teori-G, penggabungan dan penstrukturan semula faktor menjejaskan ralat relatif ( $E(\delta\sigma_\psi^2)$ ) dan ralat mutlak ( $E(\Delta\sigma_\psi^2)$ ) disamping mengubah struktur objek pengukuran pada

keadaan tertentu. Perubahan ini mengundang persoalan teknikal terhadap perubahan pekali kebolehitlakan,  $\rho$  dan indeks kebolehsandaran,  $\phi$  teranggar yang diberikan oleh:

$$\rho = \frac{\sigma_{\Psi}^2}{\sigma_{\Psi}^2 + E(\delta\sigma_{\Psi}^2)} \quad (1.1)$$

dan

$$\phi = \frac{\sigma_{\Psi}^2}{\sigma_{\Psi}^2 + E(\Delta\sigma_{\Psi}^2)} \quad (1.2)$$

yang mana  $\sigma_{\Psi}^2$  adalah komponen varians bagi objek pengukuran,  $\Psi$  model tersebut.

Katakan  $R = \{\rho, \phi\}$  dan  $E_{\Psi} = \{E(\delta\sigma_{\Psi}^2), E(\Delta\sigma_{\Psi}^2)\}$ , maka diperolehi

$$R = \frac{\sigma_{\Psi}^2}{\sigma_{\Psi}^2 + E_{\Psi}} \quad (1.3)$$

Persoalannya, benarkah nilai anggaran pekali  $\rho$  dan  $\phi$  masih kekal dari model pengukuran yang mengalami penstrukturan semula faktor? Seterusnya apakah keadaan struktur model RTB multifaset yang dapat memperbaiki anggaran pekali  $\rho$  dan  $\phi$ ?

Memandangkan pekali  $\rho$  dan  $\phi$  merupakan fungsi komponen varians dan saiz faktor model, maka penganggaran komponen varians faktor merupakan tunggak utama bagi kajian kebolehitlakan (kajian-G, *generalizability studies*) dalam teori-G. Komponen varians setiap faktor wujud bagi setiap faktor rawak dalam Semesta Penaakulan (*Universal of Administration*). Faktor-faktor seperti  $\tau$ ,  $\nu$ ,  $\lambda$ ,  $\omega$ ,  $\beta$  dan  $\gamma$  membentuk faset masing-masing dan merupakan sumber komponen varians bagi model yang dikaji yakni  $\sigma_{\tau}^2$ ,  $\sigma_{\nu}^2$ ,  $\sigma_{\lambda}^2$ ,  $\sigma_{\omega}^2$ ,  $\sigma_{\beta}^2$ , dan  $\sigma_{\gamma}^2$ . Kajian ini mengambil kira kewujudan interaksi antara faktor yang tersenarai, komponen varians faktor interaksi

yang dikenal pasti dari set faktor utama adalah seperti:

$$\sigma_{\omega\gamma}^2, \sigma_{\omega\beta}^2, \sigma_{\lambda\gamma}^2, \sigma_{\lambda\beta}^2, \sigma_{v\gamma}^2, \sigma_{v\beta}^2, \sigma_{\tau\gamma}^2 \text{ dan } \sigma_{\varepsilon}^2.$$

Penyempurnaan penganggaran komponen varians faktor menandakan permulaan kajian keputusan (kajian-D, *decision studies*). Pekali-peka  $\rho$  dan  $\phi$ , ralat  $E(\delta\sigma_{\psi}^2)$  dan  $E(\Delta\sigma_{\psi}^2)$ , nisbah  $\sigma_{\psi}^2/E(\delta\sigma_{\psi}^2)$  serta  $\sigma_{\psi}^2/E(\Delta\sigma_{\psi}^2)$  yang mana  $\sigma_{\psi}^2$  adalah varians objek pengukuran dianggarkan merentasi model penganggaran tersebut. Penganggaran parameter-parameter tersebut dilakukan dalam keadaan berlainan seperti kelainan dari segi struktur model, objek pengukuran dan perubahan dari segi saiz faktor. Nisbah  $\sigma_{\psi}^2/E(\delta\sigma_{\psi}^2)$  dan  $\sigma_{\psi}^2/E(\Delta\sigma_{\psi}^2)$  adalah nisbah isyarat hingar (NIH, *signal noise ratio*). Biarkan  $\Upsilon_{\rho} = \sigma_{\psi}^2/E(\delta\sigma_{\psi}^2)$ ,  $\Upsilon_{\phi} = \sigma_{\psi}^2/E(\Delta\sigma_{\psi}^2)$ , dan  $\Upsilon_G = \{\Upsilon_{\rho}, \Upsilon_{\phi}\}$ . Dari ini diperolehi

$$\Upsilon_G = \frac{\sigma_{\psi}^2}{E_{\psi}} \quad (1.4)$$

Kaedah penganggaran momen digunakan dalam kajian ini yang mana kaedah penganggaran ini menyamakan momen populasi dengan momen sampel ke- $r$  sekitar nilai tertentu dan menyelesaikan set persamaan terbentuk untuk memperoleh anggaran parameter yang dikehendaki. Biarkan  $E(X^r)$  mewakili momen populasi ke- $r$  dan  $\frac{1}{n} \sum_1^n X_i^r$  merupakan momen sampel ke- $r$  sekitar pusat sifar bagi pembolehubah rawak  $X$  yang berfungsi ketumpatan kebarangkalian  $f(x; \theta_1, \theta_2, \dots, \theta_k)$  dengan  $k$  parameter  $\theta_1, \theta_2, \dots, \theta_k$ . Dengan menyamakan momen populasi dengan momen sampel ke- $r$  sekitar nilai sifar diperolehi:

$$E(X^r) = \frac{1}{n} \sum_1^n X_i^r$$



$K$  set persamaan diturunkan untuk penganggaran  $k$  parameter  $\theta_1, \theta_2, \dots, \theta_k$ .

Lanjutan dari ini jika disamakan momen populasi sekitar min populasi  $\mu$  dengan momen sampel sekitar min sampel  $\bar{X}$  diperolehi:

$$E(X - \mu)^r = \frac{1}{n} \sum_1^n (X_i - \bar{X})^r$$

Apabila  $r = 2$ , penyamaan momen populasi sekitar  $\mu$  dengan momen sampel sekitar  $\bar{X}$  adalah setara dengan menyamakan nilai hasil tambah kuasa dua jangkaan faktor dengan min hasil tambah kuasa dua faktor. Ini bermakna pada momen ke-2, kaedah penganggaran momen adalah sama dengan kaedah penganggaran ANOVA untuk menghasilkan  $k$  set persamaan yang membawa kepada penghasilan komponen varians faktor model. Memandangkan kajian ini memerlukan penganggaran komponen varians faktor, maka nama kaedah penganggaran ANOVA digunakan sepanjang kajian ini.

Walaupun terdapat beberapa kaedah penganggaran lain umpamanya MLE, REML, MINOQ, Jacknife dan bootsrap (Efron, 1982, 1986; Ahrens dan Sanchez, 1982; Efron dan Tibshirani, 1986) tetapi perbandingan kesan penggunaan model pengukuran merupakan tujuan utama kajian dan kajian ini mampu merangsangkan kajian-kajian lain yang melibatkan perbandingan kaedah penganggaran merentasi model. Kajian ini merupakan kajian sulung melibatkan unsur penyaringan berperingkat empat di samping menggunakan data mentah. Keputusan menggunakan data mentah adalah kerana data mentah walaupun sukar menjamin kesempurnaan taburannya, tetapi data mentah mencerminkan situasi sebenar sampel yang dikaji (Mauricio, Hernandez & Stolfo, 1998).

Analisis kajian ini menumpukan pemberatan kepada bahagian seperti model penganggaran dalam konteks kebagusan nilai anggaran pekali  $\rho$  dan  $\phi$  termasuk

$Y_G$ , peminimuman anggaran ralat  $E(\delta\sigma_\psi^2)$  dan  $E(\Delta\sigma_\psi^2)$ , perubahan-perubahan yang bakal tercerap akibat perubahan saiz faktor. Anggaran-anggaran  $E(\delta\sigma_\psi^2)$  dan  $E(\Delta\sigma_\psi^2)$  dirujuk dalam analisis kebagusan model pengukuran apabila anggaran pekali  $\rho$  dan  $\phi$  terhasil mempunyai nilai anggaran yang hampir sama.

Kajian mengenai penganggaran  $\rho$  dan  $\phi$  dalam teori-G tidak dapat diasingkan daripada kesan perubahan saiz faktor model RTB multifaset. Saiz faktor boleh diubah sesuai dengan objektif kajian. Purata bilangan pelajar dalam sesebuah kelas dan bilangan item diubah dalam kajian ini. Kesesuaian purata bilang pelajar dalam sesebuah kelas dan kesesuaian bilangan item mencuri perhatian dalam kajian ini.

Keanjalan pemilihan objek pengukuran dari model RTB multifaset merupakan ciri tersendiri dalam teori-G. Objek pengukuran boleh berubah tertakluk kepada tujuan pengukuran tanpa mengubah struktur model dan mengulangi pensampelan. Tujuan ini dapat dicapai melalui perlaksanaan prinsip kesimetrikan. Prinsip kesimetrikan mencetuskan ilham kewujudan kaedah penilaian kebagusan model pengukuran dalam penganggaran  $\rho$  dan  $\phi$  apabila objek pengukuran berubah. Model RTB multifaset yang mempamerkan kebagusan dalam penganggaran pekali  $\rho$  dan  $\phi$ , masihkah mengekalkan ciri kebagusan penganggaran seandainya objek pengukuran berubah!

Secara ringkasnya, kajian ini dimulakan dengan pembentukan model RTB multifaset tak seimbang, penganggaran komponen varians faktor dalam bahagian kajian-G, penganggaran pekali  $\rho$  dan  $\phi$  merentasi model RTB multifaset dengan variasi keadaan penganggaran berlainan dalam bahagian kajian-D. Pemberatan utama ditumpukan kepada perubahan pekali  $\rho$  dan  $\phi$  teranggaran merentasi model

RTB multifaset, perubahan saiz faktor dan peranan prinsip kesimetrian dalam menentukan kebagusan model RTB multifaset.  $\Upsilon_G$  yang bertindak sebagai petunjuk kepada pekali  $\rho$  dan  $\phi$  teranggar dititikberatkan dalam kajian.

## 1.2 Rasional

Kajian yang menggunakan model tersarang ditunjukkan oleh Antweiler (2001) yang mana model tersarang tak seimbang digunakan bersama kaedah penganggaran kebolehjadian maksimum (MLE). Morris dan Deshon (2002) mengkaji kesan saiz faktor dalam konteks teori-G. Rasional kajian ini berkisar sekitar penekanan model RTB multifaset tak seimbang peringkat empat, perubahan komponen varians, perubahan anggaran  $\rho$  dan  $\phi$  apabila bentuk model berubah, kesan kehadiran nilai negatif komponen varians teranggar, kesan pertambahan saiz faktor merentasi model RTB multifaset, aplikasi prinsip kesimetrian dalam menentukan kebagusan model RTB multifaset. Maka rasional kajian adalah:

a) Terdapat dua situasi yang biasa wujud dalam kebanyakan kajian statistik yang menggunakan model bersilang (*crossed model*). Pertamanya adalah keseimbangan data dan keduanya peringkat penyarangan model pengukuran yang digunakan adalah rendah. Dalam Miliken dan Johnson (1984) diperhatikan keutamaan diberikan kepada model bersilang seimbang lengkap; Singer (1998) menunjukkan model tersarang digunakan dalam Statistical Analysis System (SAS); Snijders (2005) menjalankan kajian melibatkan penyarangan 3 peringkat sementara Ambrozy dan Mejza (2006) menggunakan model tersarang bersilang. Penggunaan model RTB multifaset peringkat empat (*four stages*) tak seimbang dalam penganggaran pekali  $\rho$  dan  $\phi$ , teori-G jarang dilakukan. Pada hakikatnya, model RTB multifaset tak seimbang lebih praktikal kerana kebanyakan eksperimen tidak

terkecuali dari masalah data hilang (Rubin, 1987). Sejalan dengan ini kajian berkisar sekitar kesan pemeringkatan penyarangan model RTB multifaset ke atas pekali  $\rho$  dan  $\phi$  harus diterokai.

b) Kajian mengenai kebagusan model pengukuran sering terfokus pada faktor pelajar sebagai satu-satunya pilihan untuk tugas objek pengukuran. Pemberatan diberikan kepada faktor pelajar diutamakan dalam Thambi dan Leong (2013), Harris dan Al-Bataineh (2016), Faulkner, Treacy dan Prendergast (2016). Sepatutnya pemilihan objek pengukuran tidak harus semata-mata tertumpu pada faktor pelajar dalam kajian kebagusan model pengukuran. Pemilihan objek pengukuran harus diperluaskan kepada faktor model pengukuran yang lain sesuai dengan model berkenaan. Justeru itu, kajian memilih faktor jenis sekolah dan faktor topik sebagai alternatif pemilihan objek pengukuran dalam menentukan kebagusan model pengukuran perlu dijalankan.

c) Kesan bilangan pelajar dalam kelas dan bilangan soalan peperiksaan dalam kontek pencapaian prestasi akademik pelajar mendapat perhatian golongan pendidik pakar psikometri keseluruhannya. Saiz kelas yang besar tidak digalakkan dan didapati memberi kesan negatif kepada prestasi pencapaian akademik seperti mana diperhatikan oleh Dillon dan Kokkelenberg (2002); Arias, Douglas dan Walker (2004); Monks dan Schmidt (2010) serta Schanzenbach (2014). Şahin dan Anil (2017) mendapati bilangan item adalah faktor penting dalam kajian pengukuran. Namun begitu bagaimana dan sejauh mana saiz kelas (yakni purata bilangan pelajar) dan saiz faktor item (atau bilangan soalan) mempengaruhi penganggaran pekali  $\rho$  dan  $\phi$  kurang diketahui. Lantaran ini perubahan-perubahan dimensi faktor pelajar dan faktor item yang memberi impak ke atas pola penganggaran pekali  $\rho$  dan  $\phi$ , teori-G wajar diselidiki.

d) Prinsip kesimetrikan merupakan suatu keunikan dalam dalam teori-G. Prinsip kesimetrikan ini membolehkan objek pengukuran diubah bagi model pengukuran berkenaan tanpa perubahan struktur model pengukuran dan konfigurasi faktor pengukuran. Diperhatikan dalam karya Cardinet, Toubneur dan Allal (1976) telah mempamerkan kepraktikan prinsip kesimetrikan ini dalam teori-G tetapi keterlaksanaan prinsip kesimetrikan ini apabila aspek struktur model pengukuran, saiz faktor pelajar dan saiz faktor item dipelbagaikan tidak dititikberatkan. Justeru itu, keunikan prinsip kesimetrikan ini perlu didalami bukan sekadar mempamerkan keanjalannya saling tukar-menukar objek pengukuran tetapi harus dijadikan sebagai alternatif lain dalam mengesahkan keberkesanan model RTB multifaset melalui perubahan objek pengukuran.

e) Risiko data hilang dalam pensampelan data tidak timbul jika kajian berkenaan menggunakan data simulasi sebagai data primer. Masalah kecukupan bilangan data (saiz sampel) dan soal kenormalan set data tersampel juga mampu dielakkan jika menggunakan data simulasi. Kajian-kajian menggunakan data mentah dalam penganggaran pekali  $\rho$  dan  $\phi$ , teori-G adalah kurang. Kekurangan kajian yang menggunakan data mentah terdorong oleh pandangan dari Mauricio, et al. (1998) dan Johnston (2008) yang mengingatkan kesukaran yang bakal dihadapi apabila menggunakan data mentah. Tetlow, Galloway dan Oldknow (2010), Foltz, Ferrara, Vollkommer dan Turisco (2011), Willke dan Mullins (2011) mencadangkan tindakan-tindakan yang harus diambil apabila menggunakan data mentah. Akibat yang lebih dibimbangi adalah kehadiran komponen varians terangggar bernilai negatif yang mana memberi kesan kepada tindakan penganggaran selanjutnya. Oleh demikian, sebagai langkah perintis bagi dunia teori-G adalah perlu

menggunakan data mentah dalam penganggaran pekali  $\rho$  dan  $\phi$  dalam konteks kepelbagaian model RTB multifaset dan peringkat penyarangan yang berbeza-beza.

f) Penelitian ke atas teori-G mendapati bahawa  $\Upsilon_G$  jarang diterokai apabila berbicara mengenai pekali  $\rho$  dan  $\phi$ . Dalam Cronbach, et al. (1972), Shavelson dan Webb (1991) mahupun Brennan (1992a & 1992b) tidak menyentuh dan tidak menitikberatkan kemampuan  $\Upsilon_G$  dalam mengesan perubahan pekali  $\rho$  dan  $\phi$ . Kepentingan peranan  $\Upsilon_G$  boleh diperhatikan dalam usaha Joseph dan Wu (2002) menghuraikan peranan  $\Upsilon_G$  dalam bidang kejuruteraan, Welsh (2004) menyampaikan pengenalan  $\Upsilon_G$  yang lengkap, Czanner, Sridevi, Sarma, Eden dan Brown (2008) menunjukkan  $\Upsilon_G$  bertindak sebagai ukuran ketepatan penganggaran bagi sistem model linear. Dengan ini sejauh mana berkesannya  $\Upsilon_G$  memainkan peranan sebagai petunjuk nilai anggaran pekali  $\rho$  dan  $\phi$  harus diterokai dalam teori-G. Keberkesanan dan kemampuan  $\Upsilon_G$  dalam tugas ini perlu diketengahkan dalam menjelaskan perubahan anggaran pekali  $\rho$  dan  $\phi$  merentasi model RTB multifaset.

### **1.3 Tujuan**

Bahagian-bahagian utama dalam kajian ini adalah keberkesanan model RTB multifaset yang mempunyai pelbagai peringkat penyarangan dalam penganggaran pekali  $\rho$  dan  $\phi$ , teori-G menggunakan data mentah yakni markah pencapaian penilaian peringkat sekolah menengah. Bentuk model RTB multifaset berlainan peringkat penyarangan diwujudkan sesuai dengan kewujudan sumber faset dalam semesta teraku. Maka tujuan kajian ini adalah:

Mengenalpasti kesan penyarangan terhadap keberkesanan model berhierarki RTB multifaset tak seimbang berdasarkan tahap kejituan pengitlakan melalui penganggaran pekali  $\rho$  dan  $\phi$ , teori-G dengan menggunakan data mentah yang tersampel dari sebilangan sekolah menengah yang berlainan kategori.

#### 1.4 Penetapan objektif

Bahagian-bahagian penting dalam kajian ini meliputi penilaian model RTB multifaset, kesan perubahan pada saiz faktor pelajar dan faktor item ke atas nilai anggaran pekali  $\rho$ ,  $\phi$  dan pelaksanaan prinsip kesimetrikan. Maka objektif kajian ini adalah:

a) Menjalankan kajian bagi menentukan keberkesanan dan kesesuaian model RTB multifaset tak seimbang dalam mendeduksikan kejituan pengitlakan pengukuran melalui penganggaran pekali  $\rho$  dan  $\phi$ , teori-G. Model RTB multifaset terdiri dari faktor-faktor seperti pelajar, kelas, sekolah, jenis sekolah, item dan topik dengan pelbagai peringkat penyarangan.

b) Mencadangkan kaedah alternatif dalam menentukan purata bilangan pelajar dalam kelas dan bilangan item berdasarkan pekali  $\rho$  dan  $\phi$  teranggar yang menggunakan model RTB multifaset tak seimbang. Prosedur terlibat merangkumi perubahan pemilihan objek pengukuran dari pelajar dialihkan kepada jenis sekolah serta perubahan saiz faktor merentasi set model RTB multifaset tak seimbang.

c) Mengenalpasti hubungan perubahan ralat  $E(\delta\sigma_{\psi}^2)$ ,  $E(\Delta\sigma_{\psi}^2)$ ,  $\rho$  dan  $\phi$  teranggar dengan perubahan pada saiz faktor di bawah model rawak RTB multifaset tak seimbang menggunakan data mentah.

d) Mempamerkan keanjalan teori-G dieksploitasikan semaksimumnya melalui pelaksanaan prinsip kesimetrikan sebagai teknik tambahan menentusahkan kebagusan model pengukuran melalui perubahan objek pengukuran dalam kalangan model RTB multifaset tak seimbang.

e) Merangsangkan titik permulaan penyelidikan dalam meneroka kesan faset terbaur serta kepentingan  $\Upsilon_G$  dalam penentuan nilai anggaran pekali  $\rho$  dan  $\phi$ .

### 1.5 Kepentingan kajian

Sumbangan kajian ini berkisar sekitar dunia pendidikan terutamanya pada peringkat sekolah. Dalam pada itu, kajian ini merupakan kajian melibatkan kepelbagaian model RTB multifaset tak seimbang peringkat empat, melibatkan penganggaran komponen varians faktor, pekali  $\rho$  dan  $\phi$ , perubahan saiz faktor model dan penghitungan nilai min saiz kelas, prinsip kesimetrikan dieksploitasi sebagai kaedah alternatif dalam penilaian kebagusan model pengukuran dan penerokaan  $\Upsilon_G$  diberi peranan sebagai petunjuk pekali  $\rho$  dan  $\phi$  teranggar. Kepentingan kajian ini dapat dilihat dalam:

a) Menentukan kebagusan model rawak RTB multifaset tak seimbang melalui analisis penganggaran komponen varians faktor dan pekali  $\rho$  dan  $\phi$ . Hasil analisis model pengukuran memberi maklumat penting kepada penyelidik psikometri mengenai ciri-ciri statistik dalam kalangan model-model pengukuran yang digunakan. Secara statistik, kajian ini menggunakan model RTB multifaset tak seimbang pelbagai peringkat penyarangan. Ekoran dari ini, kajian ini bukan sahaja meneroka keberkesanan model pengukuran dalam bidang kebolehpercayaan malahan juga merangsangkan kajian-kajian lain yang menggunakan model RTB multifaset yang lebih kompleks dan peringkat penyarangan lebih tinggi.



b) Membekalkan maklumat untuk tujuan pengitlakan dan tindakan diagnostik dilakukan ke atas komponen-komponen sistem pendidikan daripada komponen varians faktor teranggar. Penganggaran komponen varians faktor daripada model RTB multifaset adalah asas kajian ini. Komponen varians faktor induk dan faktor interaksi dapat dihasilkan daripada model RTB multifaset. Komponen varians faktor jenis sekolah memberi maklumat mengenai darjah perbezaan antara jenis sekolah; komponen varians faktor sekolah menunjukkan perbezaan di kalangan sekolah; komponen varians faktor item dan topik menggambarkan darjah kesukaran antara item dan topik yang digunakan. Maklumat-maklumat ini penting kepada para ibu bapa, para pendidik, pegawai dari jabatan pendidikan atau kementerian pendidikan dan seterusnya ahli psikometri mengenai senario pendidikan negara.

c) Mengesyorkan jumlah bilangan pelajar yang sesuai untuk kelas yang menawarkan mata pelajaran Matematik Tambahan. Saiz kelas yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran adalah sebesar 50 pelajar per kelas di peringkat sekolah menengah. Memandangkan saiz kelas merupakan faktor yang diselidik dalam mempengaruhi darjah kejituan pengitlakan pengukuran bagi kajian ini, maka julat saiz kelas yang digunakan dalam kajian ini yang menghasilkan kejituan pengitlakan tinggi juga boleh dipertimbangkan oleh Kementerian Pelajaran bagi masa akan datang.

d) Mengesyorkan jumlah bilangan item dan jumlah bilangan topik yang sesuai dirangkumi dalam peperiksaan di peringkat sekolah menengah bagi mata pelajaran Matematik Tambahan. Saiz faktor item dan faktor topik boleh diunjurkan mengikut teori-G dan unjuran anggaran pekali  $\rho$  dan  $\phi$  dapat dihasilkan. Saiz item dan saiz topik yang menghasilkan keputusan unjuran bagi anggaran pekali  $\rho$  dan  $\phi$  yang tinggi, boleh dipertimbangkan dalam menentukan bilangan item serta bilangan

topik yang sesuai di peringkat sekolah untuk penilaian subjek Matematik Tambahan. Cadangan ini juga boleh dipertimbangkan oleh Lembaga Peperiksaan ataupun Pusat Perkembangan Ko-kurikulum sebagai sumber rujukan dalam menentukan skop bilangan item dan bilangan topik setiap subjek peperiksaan.

e) Mengaktifkan pelaksanaan prinsip kesimetrikan, teori-G untuk bertindak sebagai pemerinyuan skunder dalam menilai kebagusan model pengukuran. Prinsip kesimetrikan dilaksanakan dengan memilih faktor lain sebagai objek pengukuran sesuai dengan model pengukuran. Dalam penilaian primer keunggulan model dalam penganggaran pekali  $\rho$  dan  $\phi$  boleh menjadikan faktor  $\omega_q$  sebagai objek pengukuran dari model M<sub>4</sub>, M<sub>6</sub>, M<sub>7</sub> dan M<sub>8</sub>. Bagi memperkukuhkan penilaian keunggulan model RTB multifaset ini, faktor  $\gamma_k$  dari model M<sub>1</sub>, M<sub>2</sub>, M<sub>3</sub>, M<sub>4</sub>, M<sub>5</sub>, M<sub>6</sub>, M<sub>7</sub> dan M<sub>8</sub> boleh dipilih sebagai objek pengukuran. Pelaksanaan prinsip kesimetrikan ini juga boleh dikembangkan ke atas penganggaran varians ralat tercerap  $E(\delta\sigma_\Psi^2)$  dan  $E(\Delta\sigma_\Psi^2)$ .

f) Merangsangkan kajian dilakukan ke atas  $\Upsilon_G$  dalam teori-G mahupun dalam dunia pengukuran.  $\Upsilon_G$  menunjukkan nisbah varians objek pengukuran kepada varian ralat tercerap iaitu  $\sigma_\Psi^2 / E(\delta\sigma_\Psi^2)$  dan  $\sigma_\Psi^2 / E(\Delta\sigma_\Psi^2)$ .  $\Upsilon_G$  terbukti berkadar secara linear dengan pekali  $\rho$  dan  $\phi$ . Pertambahan pada nilai anggaran  $\Upsilon_G$  mencerminkan peningkatan juga berlaku pada anggaran pekali  $\rho$  dan  $\phi$ . Perbezaan antara  $\Upsilon_G$  dan pekali-pekali  $\rho$  dan  $\phi$  terletak pada julat anggaran. Julat anggaran bagi pekali-pekali  $\rho$  dan  $\phi$  adalah antara 0 hingga 1 tetapi julat bagi  $\Upsilon_G$  adalah bermula dari 0 dan boleh melebihi 1 jika  $\sigma_\Psi^2 > E_\Psi$ . Ini menunjukkan rangkuman julat bagi  $\Upsilon_G$  mengizinkan perbandingan dua anggaran pekali  $\rho$  dan  $\phi$

yang menghampiri 1 dibezakan dengan mudah berpandukan anggaran  $Y_G$  yang bersepadan.

## **1.6 Masalah penyelidikan**

Kajian ini memerlukan data mentah daripada sampel pelajar yang dipilih dari beberapa sekolah berlainan. Dalam usaha mendapatkan data mentah yang dikehendaki, beberapa perkara dikenal pasti wujud sebagai kekangan kepada kajian ini. Antaranya:

### **1.6.1 Sumber data**

Markah skor akan diperolehi daripada populasi pelajar tingkatan 5 sekolah-sekolah daerah Kuantan. Terdapat sebanyak 34 buah sekolah dalam daerah Kuantan. Didapati sebilangan sekolah terletak lebih daripada 50 km dan di lokasi yang terpencil. Halangan faktor geografi diperburukkan lagi dengan sistem pentadbiran sekolah berkenaan. Seseengah pentadbiran dengan alasan tertentu tidak mengizinkan kajian-kajian sedemikian dilakukan pada pelajar sekolah tersebut. Tambahan pula, bukan semua sekolah mempunyai kelas aliran sains atau pun mata pelajaran matematik tambahan ditawarkan kepada pelajar. Untuk mengatasi masalah bilangan sekolah tidak mencukupi, kesemua sekolah yang terdapat dalam daerah ini akan dihubungi dan dimaklumkan tentang kajian yang akan dilakukan ke atas sekolah tersebut.

### **1.6.2 Pemilihan mata pelajaran**

Kebanyakan mata pelajaran yang diajar di sekolah peringkat tingkatan 5 (tahap SPM), terbahagi kepada 2 atau 3 kertas peperiksaan berlainan. Contohnya

subjek Fizik terbahagi kepada Kertas 1, Kertas 2 dan Kertas 3. Setiap kertas mempunyai bentuk soalan berlainan seperti soalan berbentuk aneka pilihan, berbentuk struktur atau berbentuk soalan panjang. Mata pelajaran Matematik Tambahan juga terbahagi kepada Kertas 1 dan kertas 2. Bentuk soalan kedua-dua kertas adalah soalan subjektif. Namun demikian, skop pembinaan soalan lebih menyeluruh yang mana sebahagian besar topik (dari tingkatan 4 dan 5) dimasukkan dalam kertas tersebut. Maka banyak kemahiran-kemahiran dalam matematik dapat diuji melalui kertas 1. Kepentingan pemilihan topik ditunjukkan dalam Hinkel (2009), Ji (2011), Kesan (2013), Bonyadi (2014), Papajohn (2016) dan Dickinson (2017). Mereka mendapati topik yang dipilih oleh pelajar mempengaruhi prestasi secara bererti.

### **1.6.3 Pengurusan penilaian**

Pengedaran item pengukuran (kertas soalan) ke sekolah-sekolah bukan suatu tugas yang berat tetapi bagi menjamin pengurusan penilaian yang saksama dan formal di kalangan sekolah adalah sukar. Pengurusan penilaian yang baik boleh meminimumkan varians ralat dan memperbaiki kepercayaan penilaian tersebut. Kegagalan penilaian dijalankan secara saksama dan formal pada tarikh dan masa yang berpunca dari beberapa faktor antaranya kesesuaian semasa sekolah melaksanakan penilaian tersebut, pertembungan musim peperiksaan sekolah, program-program tahunan sekolah, persediaan untuk peperiksaan dan seumpamanya. Maka matlamat penilaian ini harus dijelaskan kepada guru yang dipertanggungjawabkan untuk tugas berkenaan.

#### **1.6.4 Perbezaan daya usaha guru**

Dalam konteks pembelajaran dan pengajaran, pelajar perlu menguasai unit kemahiran yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran dan guru dimandatkan untuk bertanggungjawab ini. Masalahnya, walaupun skop unit kemahiran setiap subjek ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran, kaedah penyampaian antara dua guru tetap berbeza. Bagi mengurangkan dan mengatasi masalah varians dari guru, guru bersama dengan faktor lain dianggap sebagai elemen bersama yang terkandung dalam faktor kelas dan menjadikan kelas sebagai faset dalam kajian ini.

#### **1.6.5 Tahap persediaan pelajar berlainan**

Tahap persediaan dalam kalangan pelajar untuk sesuatu peperiksaan baik dari kelas yang sama, sekolah yang sama atau jenis sekolah yang sama adalah berlainan. Terdapat sekolah yang sentiasa mementingkan ulangkaji pelajaran bagi pelajar, menguatkuasakan program persediaan peperiksaan waktu malam bagi sekolah berasrama penuh, melaksanakan sistem pemimpin rakan sebaya, mewujudkan kumpulan belajar (*study group*) dan seterusnya. Terdapat juga sekolah yang tidak menjalankan perancangan di atas. Lebih-lebih lagi kesedaran untuk pencapaian keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan tidak timbul di kalangan pelajar sekolah berkenaan.

#### **1.6.6 Perbezaan infrastruktur sekolah**

Kelengkapan infrastruktur sekolah antara sekolah yang mempunyai sumber kewangan baik dengan sekolah yang bersumber kewangan lemah adalah berbeza. Sekolah kluster, sekolah rancangan khas atau pun sekolah bantuan penuh mempunyai kelengkapan mahu pun dari segi peralatan bantu mengajar atau pun kesempurnaan

bilik darjah tidak diragui lebih baik dari sekolah yang bukan dari jenis sekolah tersebut ini. Dengan ini masalah perbezaan infrastruktur fizikal antara sekolah sukar dielak.

#### **1.6.7 Data bertaburan normal**

Kajian ini menggunakan data mentah keseluruhannya dan bukan data simulasi. Penggunaan data mentah oleh Katkade, et al.(2018) dalam kajian bidang perubatan sementara Bloom, Bell dan Reiman (2020) menggunakan data mentah dalam kajian pendidikan. Memandangkan data dikumpul secara rawak dari jenis sekolah berlainan, maka kebarangkalian memperolehi set data tidak bertaburan normal adalah tinggi dan sukar untuk dielakkan. Sensitiviti data tidak bertaburan normal dalam ujian kenormalan ditunjukkan dalam Ahmad et al. (2011). Antara sekolah yang dipilih, terdapat sekolah terpencil yang saiz populasi pelajar adalah kecil dan secara puratanya kemampuan akademik pelajar adalah lemah. Begitu juga terdapat sekolah mempunyai bilangan kelas banyak dan saiz kelas adalah besar, pelajar-pelajar adalah terpilih. Apabila kenormalan data tidak dipenuhi, kaedah penganggaran yang berasaskan anggapan kenormalan tidak sesuai digunakan.

#### **1.6.8 Masalah data hilang**

Punca kejadian data hilang diperincikan dalam Freund (1980), MacDonald (1993), Little dan Rubin (1997), Lakshminarayan, Harp dan Samad (1999). Kajian-kajian mengenai masalah data hilang dan kaedah memperolehi data yang terhilang diperhatikan dalam Anderson (1946); Anderson (1957); Buck (1960); Draper dan Stoneman (1964); Ford (1976); Dodge (1985); Raudenbus (1993), Zhang, et al. (2008), Somasundaram dan Nedunchezian (2011), Malarvizhi dan Thanamani

(2012), Kanchana dan Thanamani (2015, 2016). Data hilang sememangnya wujud bagi kebanyakan eksperimen. Setiap hari terdapat kelas yang mempunyai pelajar yang tidak dapat hadir ke sekolah. Ketidakhadiran pelajar pada hari penilaian dijalankan telah menyebabkan timbulnya data hilang. Peratus data hilang yang tinggi mempengaruhi komponen varians faktor teranggar. Jika peratus data hilang tinggi dan ditangani dengan proses imputasi, set data lengkap dan seimbang dapat dihasilkan. Namun demikian, keberkesanan dan kejituan set data imputasi dalam memberi gambaran dari segi statistik bagi populasi data sebenarnya sering dipersoalkan. Masalah ini telah diperingatkan oleh Ford, et al. (1980).

#### **1.6.9 Masalah komponen varians bernilai negatif**

Dalam penganggaran komponen varians faktor, kejadian komponen varians bernilai negatif mungkin berlaku dan merupakan masalah yang tidak dapat dipandang ringan. Nelder (1954). Membincangkan intepretasi mengenai komponen varians negatif. Masalah komponen varians negatif juga ditimbulkan dalam Thompson (1962). Dalam Searle et al. (1992) didapati beberapa cadangan telah dikemukakan untuk menyelesaikan kebuntuan komponen varians negatif. Kelly dan Mathew (1994) menyentuh isu komponen varians tanpa negatif bagi model campuran tak seimbang. Molenberghs dan Verbeke (2011) menaksirkan komponen varians negatif model berhierarki. Leithy, Wahed, Abdallah (2016) mengusulkan kaedah penganggaran komponen varians bukan negatif menggunakan model campuran. Komponen varians faktor teranggar bernilai negatif dicadangkan agar disamakan dengan sifar sesuai dengan takrif komponen varians faktor. Pensifaran ini dalam keadaan tertentu menyebabkan objek pengukuran dan seterusnya pekali  $\rho$  dan  $\phi$  bertukar kepada sifar. Kebuntuan penganggaran pekali kebolehpercayaan

dengan kehadiran anggaran komponen varians faktor negatif perlu diberi perhatian sewajarnya.



## BAB 2

### SOROTAN LITERATUR

#### 2.1 Pengenalan

Bahagian 2.2 dimulakan dengan penentuan faset model RTB multifaset. Kewujudan faset didahului dan diikuti dengan penyarangan faset. Faktor-faktor pelajar ( $\tau$ ), kelas ( $\nu$ ), sekolah ( $\lambda$ ), jenis sekolah( $\omega$ ), item( $\beta$ ) dan topik ( $\gamma$ ) memainkan watak masing-masing dalam kewujudan faset model dan penyarangan faset. Seterusnya mekanisma penyilangan faset-faset tersarang diaktifkan dan pembentukan model RTB multifaset dua hala terhasil ditunjukkan.

Teori-G dibincangkan dalam Bahagian 2.3. Elemen-elemen teori-G seperti semesta cerapan teraku, semesta pengitlakan, skor semesta dan objek pengukuran diimbias. Penerangan peranan komponen varians faktor teranggar menandakan penyempurnaan kepada kajian-G bagi teori-G. Pekali  $\rho$  dan  $\phi$  merentasi pelbagai model RTB multifaset diberi perhatian sepenuhnya apabila berada dalam sorotan kajian-D. Fleksibiliti teori-G diterokai menerusi keterlaksanaan prinsip kesimetrikan dan kemenjadian pelbagai bentuk  $\rho$  dan  $\phi$ . Aplikasi teori-G dalam bidang-bidang lain ditekan sebagai penghujung bahagian ini.

Bahagian 2.4 merupakan lanjutan kajian-G dan pemberatan diberikan ke atas penganggaran komponen varians induk ( $\sigma_{\tau(\nu\lambda\omega)}^2$ ,  $\sigma_{\nu(\lambda\omega)}^2$ ,  $\sigma_{\lambda(\omega)}^2$ ,  $\sigma_{\omega}^2$ ,  $\sigma_{\beta(\gamma)}^2$ ,  $\sigma_{\gamma}^2$ ), komponen varians interaksi ( $\sigma_{\omega\gamma}^2$ ,  $\sigma_{\omega\beta(\gamma)}^2$ ,  $\sigma_{\lambda\gamma(\omega)}^2$ ,  $\sigma_{\lambda\beta(\omega\gamma)}^2$ ,  $\sigma_{\nu\gamma(\lambda\omega)}^2$ ,  $\sigma_{\nu\beta(\lambda\omega\gamma)}^2$ ,  $\sigma_{\tau\gamma(\nu\lambda\omega)}^2$ ),

$\sigma_{\tau\beta(v\lambda\omega\gamma)}^2$ ) dan komponen varians ralat,  $\sigma_{\varepsilon(\tau\beta v\lambda\omega\gamma)}^2$ . Bahagian ini juga menjelaskan kemenjadian sesetengah anggaran komponen varians faktor bernilai sama walau pun model penganggaran digunakan berlainan. Lantaran penggunaan kaedah ANOVA, gejala kemunculan nilai anggaran negatif juga ditimbulkan.

Bahagian 2.5 memaparkan pelbagai bentuk  $E(\delta\sigma_{\psi}^2)$ ,  $E(\Delta\sigma_{\psi}^2)$ ,  $\rho$  dan  $\phi$  bersepadanan dengan setiap model pengukuran. Gambarajah Venn mengiringi bahagian ini untuk kesempurnaan penjelasan.

Bahagian 2.6 menunjukkan secara matematik hubungan linear antara nisbah isyarat hingar,  $Y_G$ ,  $\rho$  dan  $\phi$ . Kelinearan antara  $Y_G$  dan  $R$  yang mana  $R = \{\rho, \phi\}$  membawa kepada persamaan:

$$\frac{1}{R} = \frac{1}{Y_G} + 1 \quad (2.1)$$

Dalam pada itu Impak Hasil Darab Saiz Faktor (IHSF),  $\Pi_{\psi}$  dan Impak Lambakan Reja Faktor (ILRF),  $\Theta_{\psi}$  dijelmakan dalam kajian ini untuk penerokaan komposisi  $E_{\psi}$ . Peleraian  $E_{\psi}$  kepada  $\Pi_{\psi}$  dan  $\Theta_{\psi}$  mencetuskan persamaan:

$$E_{\psi} = \Pi_{\psi} + \Theta_{\psi} \quad (2.2)$$

Seterusnya perbandingan  $E_{\psi}$  antara dua model diperincikan melalui ketaksamaan:

$$\Pi_{\psi[a]} - \Pi_{\psi[b]} > \Theta_{\psi[b]} - \Theta_{\psi[a]} \quad (2.3)$$

Bahagian 2.7 menyerlah aplikasi prinsip kesimetrikan ke atas  $E(\delta\sigma_{\psi}^2)$ ,  $E(\Delta\sigma_{\psi}^2)$ ,  $\rho$  dan  $\phi$  apabila objek pengukuran berubah dari  $\omega$  ke  $\gamma$ . Status  $\gamma$  bertindak sebagai objek pengukuran membolehkan kelapan-lapan model terbentuk